



Perintah arahan ini
berlaku pada raya / basuh pada
masuk dan keluar perniagaan pada
waktu pagi "JUMAAT mulai jam
12.30 petang
dan berakhir pada 1 JANUARI 2015

Pengetahuan
Yang Oberbaik
Malah Perbaikan Yang
Lebih Baik

PASARAYA PATUHI ARAHAN TUTUP TENGAHARI JUMAAT



SEMUA pemilik pasar raya di daerah ini mematuhi arahan menutup kedai mereka pada Jumaat mulai jam 12.30 tengah hari hingga 2.30 petang.

Setiausaha Majlis Perbandaran Dungun, Mohd Iskandar Mohammad Aziz berkata, arahan itu telah dikeluarkan kepada semua pemilik pasa raya di daerah Dungun selaras keputusan yang dikeluarkan Menteri Besar Terengganu, YAB Datuk Haji Ahmad Razif Abdul Rahman.

Katanya, keputusan itu dibuat bagi mengelak umat Islam terutama golongan muda tidak menunaikan solat Jumaat dengan melepak di premis berkenaan.

"Keputusan itu telah dipersetujui pada mesyuarat Exco lalu dan oleh yang demikian Majlis Perbandaran Dungun telah mengeluarkan notis kepada semua premis terbabit," katanya.

Mohd Iskandar berkata, MPD turut membuat rondaan ke semua premis terbabit dengan pemantauan dilakukan kakitangan wanita untuk membuat pemeriksaan dan setakat ini semua pemilik premis mematuhi arahan yang dikeluarkan," katanya.





YANG Dipertua, Haji A Rahman Che Ali mengucapkan tahniah kepada Pegawai Daerah Dungun, Dato Haji Mohd Yasim Awang selepas majlis angkat sumpah sebagai Ahli Majlis Perbandaran Dungun yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Majlis Perbandaran Dungun dengan disaksikan kesemua Ahli Majlis dan Ketua Jabatan.

NELAYAN Dungun diminta menjadi mata dan telinga dan melaporkan sebarang aktiviti pencemaran di tengah laut kepada pihak berkuasa sekiranya ada diantara nelayan asing dan kapal dagang terbukti melakukan perkara itu.

Pegawai Pembangunan Parlimen Dungun, Datuk Din Adam berkata, sekiranya tidak dilaporkan maka keadaan itu sudah tentu akan mencemarkan laut dan seterusnya ikan-ikan akan mati dan menyulitkan nelayan memperolehi hasil tangkapan.

"Kalian semua harus melaporkan aktiviti sebegini kepada pihak berkuasa kerana anda semualah yang tahu dengan tepat seberapa aktiviti yang berlaku di laut," katanya ketika merasmikan bangunan baru Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Dungun.

Datuk Din turut berharap kepada semua golongan nelayan agar tidak mebuang sempah serap termasuk minyak ke dalam laut kerana perbuatan itu boleh membincangkan hidupan laut.



JASA AYAHKU TETAP DIKENANG

BEKAS Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu Engku Bijaya Sura, Syed Omar Muhammad telah kembali keramatullah pertengahan Februari lalu.

Beliau berusia 81 tahun yang tinggal di Jalan SMTIZ disahkan meninggal dunia kira-kira jam 10.50 malam di rumah salah seorang anaknya di Shah Alam Selangor.

Menantunya, Syed Mustaffa Tuan Aziz, 56, yang merupakan Ahli Majlis Perbandaran Dungun berkata, arwah bapa mertuanya itu disahkan menghidap penyakit buah pinggang dan dimasukkan ke wad Hospital Kuala Lumpur HKL sejak beberapa minggu.

Katanya, sebaik dibenarkan keluar dari wad, arwah tidak pulang ke Dungun sebaliknya mahu tinggal di rumah anaknya di Shah Alam.

"Malam tadi arwah tidak banyak bercakap dan kelihatan lesu sebelum menghembuskan nafas terakhirnya," katanya.

Syed Mustaffa berkata, arwah bapa mertuanya itu sebelum ini telah kematian isterinya Tengku Dalam Fatimah Ali sejak lima tahun lalu.

"Jenazah bapa mertua yang siap disembahyangkan kemudiannya dikebumikan di tanah perkuburan Seksyen 21 Shah Alam, kira-kira jam 11 pagi," katanya.

Seluruh warga MPD mengucapkan takziah diatas pemergian arwah.





HARGAI PEMBERIAN KERAJAAN

PENGERUSI Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, Yang Berhormat Roslee Daud berkata, beliau mengucapkan tahniah kepada Majlis Perhandaran Dungun yang terus menerus membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah sekaligus mendokong aspirasi Transformasi Terengganu Baharu (TTB).

Roslee berkata, sumbangan sebanyak 10 buah kiosk penjaja bergerak kepada golongan berpendapatan rendah serta sumbangan enam buah rumah kepada keluarga miskin membuktikan betapa besarnya pengorbanan MPD kepada masyarakat Dungun.

"Setiap kiosk bernilai RM5,000 sebuah dan penerima juga turut mendapat peralatan, kelengkapan serta lain-lain barang bernilai RM5,000 lagi.

Bukan itu saja, peniaga juga dibawa menjalani kursus motivasi tentang aspek ekonomi, kewangan, kesihatan, kebersihan serta kesedaran sivik," katanya.

Roslee berkata, bagi penerima rumah pula, rumah tiga bilik dengan kos sebanyak RM40,000 sebuah itu merupakan peruntukan yang besar daripada kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Saya hanya meminta kepada semua penerima bersyukur. Ini merupakan pengorbanan besar kerajaan kepada kita dan saya minta berniagalah dengan baik jangan jual kalau tak nak meniaga pulangkan balik.

Mereka yang menerima rumah pula saya ingatkan bersyukur dan berdoa agar ekonomi negara terus kukuh dan sekaligus dapat membantu lagi masyarakat yang memerlukan," katanya yang hadir bersama Yang Dipertua MPD, Haji A Rahman Che Ali menyampaikan sumbangan itu.



50 KAKITANGAN SERTAI KURSUS MANUAL PROSEDUR KERJA





PEMBANGUNAN BUKIT BESI DIPERCEPAT

Kerajaan negeri akan membangunkan Bandar Bukit Besi sebagai 'Bandar Bersejarah' bagi negeri ini dengan merangka pelan perancangan 15 tahun bagi melonjakkan pembangunannya.

Usaha yang dilaksanakan kerajaan itu mendapat sokongan ramai di kalangan penduduk yang mendakwa usaha yang dilaksanakan itu dapat menghidupkan semula bandar yang dilupakan selepas penutupan industri itu hampir lima dekad lalu berjalan dengan begitu pertahan.

Menteri Besar Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman kali ini merasmikan Draft Rancangan Kawasan khas (RKK) Bukit Besi Bandar Bersejarah 2030 di Bukit Besi berkata, pembangunan bandar Bukit Besi itu akan digerakkan secara tersusun dalam beberapa fasa selepas mendapat paroangan pelbagai pinak.

Menurulnya, melalui fasa perlama membabitkan pembangunan semula tempat perlombongan untuk dijadikan sebagai tarikan sejarah.

"Kawasan yang dibangunkan itu meliputi keluasan 3,200 hektar bermula dari persimpangan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) II di Bukit Besi ningga ke kawasan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Bukit Besi," katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri melihat bajet pembangunan keseluruhan projek itu serta merancang untuk mewartakan kawasan itu sebagai tapak warisan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun, A. Rahman Che Ali berkata, Bukit Besi mempunyai polensi besar untuk menjana kegiatan ekonomi dalam sudut pelancongan warisan dan alam di samping penekanan kepada pendidikan dan perkhidmatan.

"konsep pembangunan itu bakal mewujudkan nafas baharu kawasan berkenaan beridentitikan imej tersendiri serta berdasarkan peninggalan warisannya," katanya.

Katanya, Tasik Puteri di situ juga turut dapat diwujudkan taman tema berdasarkan air yang menjadi tarikan awal ke arah merancukkan pertumbuhan ekonomi bandar itu serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk selempat.

Katanya, bagi memberi fokus kepada pertumbuhan populasi bandar Bukit Besi, beberapa institusi baharu dicadangkan berdasarkan kepada polensi pembangunan bandar seperti Institut Kemahiran Mara, politeknik dan pembangunan UiTM (Fasa 2).

"Kawasan kawasan yang mempunyai artifikat purba, dizonkan sebagai tapak warisan Bukit Besi dengan membangunkan galeri wansan, pusat informasi, pusat jualan Kraftangan dan replika stesen kereta api," katanya.